



SULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menyampaikan Anugerah Fellow Kehormat Institut Kelautan Malaysia (IKMAL) kepada Dr. Mahathir Mohamad pada majlis makan malam IKMAL di Putrajaya, malam tadi.

# Dr. M: Kemas kini perundangan maritim

Um-21/3/2005: 5

Oleh NOR ZAINAH NORDIN

**P**UTRAJAYA 20 Mac — Malaysia perlu mengemaskini rangka perundangan maritim bagi memastikan usaha mengembangkan industri itu tidak terbantut akibat penggunaan undang-undang dan peraturan yang telah lapuk atau cacat, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Mahathir yang dilantik sebagai Fellow Kehormat Institut Kelautan Malaysia (IKMAL) hari ini, berkata, beliau difahamkan industri maritim negara ini masih menggunakan Ordinan Perkapalan Dagang 1952 sebagai asas bagi urusan perundangan maritim.

Katanya, Akta Perkapalan Malaysia yang dirangka beberapa tahun lalu sepatutnya telah dilaksana dan dipakainya memandangkan kep-

tingannya sebagai landasan pertumbuhan industri maritim negara pada masa depan.

“Industri maritim, khususnya perkapalan yang bersifat antarabangsa, memerlukan satu rangka undang-undang yang selaras dengan keperluan perundangan terkini masyarakat antarabangsa.

## Semak

“Pihak berkuasa yang berpengalaman dan cekap perlu menyemak perkara ini bagi menjadikan undang-undang maritim negara ini kekal relevan dan mampu memastikan kelancaran operasi perdagangan maritim kita,” katanya.

Beliau berucap demikian pada majlis makan malam sempena pelantikan beliau sebagai Fellow Kehormat IKMAL di sini, malam ini.

Turut berangkat Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin

Idris Shah yang merupakan Penaung IKMAL.

Dr. Mahathir dilantik sebagai Fellow Kehormat IKMAL berikutan wawasan dan usaha beliau dalam mengembangkan industri maritim di negara ini.

Menurut Dr. Mahathir, dengan perkembangan semasa dalam industri maritim, adalah penting bagi negara ini menyemak dan menganalisis kesediaan untuk kekal bersaing dan mengenal pasti peluang-peluang yang wujud dalam industri itu.

Katanya, walaupun persaingan selalunya memberi kelebihan, adalah lebih baik bagi pelabuhan-pelabuhan tempatan bekerjasama dan bergabung bagi meningkatkan kecakapan dan mengelakkan pertindihan perkhidmatan.

Dr. Mahathir berkata, dengan wujudnya lebih 50 pelabuhan di seluruh negara. Ma-

aysia perlu mengambil langkah tegas dalam menangani isu-isu yang mampu mengancam operasi pelabuhan, aktiviti perkapalan dan perdagangan maritim.

Katanya, kehadiran lanun-lanun yang mengancam keselamatan kapal-kapal yang menggunakan Selat Melaka masih merupakan satu masalah.

Selain itu, katanya, kos memastikan laut Selat Melaka selamat dan bebas daripada pencemaran, khususnya minyak, juga membebankan negara dan jiran-jiran yang bertanggungjawab menjaga selat itu.

“Negara-negara asing menganggap Selat Melaka sebagai laluan kapal antarabangsa, tetapi mereka enggan berkongsi menanggung kos untuk mengekalkan kebersihan dan keselamatan di selat itu,” ujarnya.